

Felda perlu tingkat bidang R&D

Oleh JAMDI NASIR

LAHAD DATU 6 Feb. - Felda diminta terus meningkatkan keupayaan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi mengukuhkan lagi keupayaan operasi perladangannya.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, R&D penting bagi memastikan Felda dapat memanfaatkan sepenuhnya industri kelapa sawit termasuk bahan-bahan buangan seperti tandan kosong.

"Ia seperti penglibatan Felda membuka loji jana kuasa elektrik menggunakan kaedah biomass yang pertama dibina di negara ini."

"Oleh kerana ia bidang baru, kita perlu giat melabur dalam R&D supaya loji ini bertambah efisien dan dapat memperluaskan loji baru menggunakan bahan bakar biomass," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Loji Jana Kuasa Biomass Sahabat di Felda Sahabat di sini, hari ini.

Turut hadir Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman dan Pengerusi Felda, Tan Sri Dr. Mohd. Yusof Noor.

Loji Jana Kuasa Biomass Sahabat dibina dengan kos RM40 juta menggunakan sumber bahan bakar tandan kosong kelapa sawit dan mampu menghasilkan antara 5.5 hingga 5.8 megawatt elektrik pada satu-satu masa.

Selain berupaya mengurangkan kos melupuskan tandan kosong kelapa sawit, loji berkenaan juga lebih menjimatkan berbanding penggunaan jana kuasa diesel.

Najib berkata, Felda juga akan terus mem-

Umm - 7/2/2007
perluaskan aktiviti penjanaan loji biomass itu sejajar dengan tumpuan kerajaan hari ini yang berusaha mengeksploitasi sepenuhnya sumber tenaga diperbaharui.

Ditanya sama ada penghasilan tenaga elektrik itu mungkin dijual kepada pengguna luar, beliau berkata, beberapa kajian perlu dibuat terlebih dahulu seperti teknologi yang digunakan serta harga yang ditawarkan oleh Tenaga Nasional Berhad.

Terdahulu semasa berucap, beliau berkata, tindakan Felda membuka kilang biomass banyak memberi manfaat termasuk mengatasi isu pencemaran alam sekitar yang kini hangat diperbahaskan di seluruh dunia.

Katanya, bekalan tenaga melalui jana kuasa biomass yang diketahui mempunyai sumber bekalan yang banyak di negara ini juga lebih murah, cekap dan lebih kompetitif.

Sementara itu, Yusof berkata, pembinaan kilang berkenaan telah berjaya membekalkan tenaga elektrik bagi dua kilang memproses kelapa sawit serta pengguna domestik.

Menurut beliau, Felda juga secara tidak langsung berjaya menjimatkan kos pelupusan tandan kosong sawit sebanyak RM2.5 juta setahun serta kos penggunaan lapan juta liter diesel bernilai RM12 juta setahun.

"Gugusan Felda Sahabat memproses sekitar 2.25 juta tan buah tandan segar setahun dan menghasilkan lebih 500,000 tan tandan kosong.

"(Sebelum ini) hampir 60 peratus tandan kosong terpaksa dilupus menggunakan kaedah sungkup dan kos ini amat membebankan," katanya.